Cadangan Bangunan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian
Malaysia, Serdang.

PTAR

NA
6590
.K37
1982

727.3
KAR

0
6
3

# CADANGAN BANGUNAN FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN, UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA, SERDANG.

PROJEK CADANGAN INI MERUPAKAN TESIS SENIREKA TAHUN AKHIR; DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA, DIHANTAR KEPADA JABATAN SENIBINA, ITM SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MENDAPATKAN DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA.

KARMAINE SARDINI
DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA 2,
KAJIAN SENIBINA, PERANCANG DAN UKUR,
ITM , SHAH ALAM.

NOVEMBER, 1982.

Adalah disahkan bahawa lapuran tesis senireka ini telah dibaca dan disemak oleh:

Encik ......................
Selaku Penyelia.

Encik ......................
Selaku Penilai.

Kami bersetuju dan berpuas hati didalam sekop dan nilai lapuran ini sebagai sebahagian daripada syarat untuk anugerah Diploma Lanjutan Senibina.

..........................
(Penyelia).

..........................
(Penilai).

SIPNOSIS TESIS SENIREKA

---

Tajuk Tesis: CADANGAN BANGUNAN FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN , UPM, SERDANG , SELANGOR.

Disediakan Oleh: Karmaine bin Sardini,
Dip. Lanjutan Senibina 2,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam, Selangor.

Tarikh Penyerahan: 23 hb. Ogos, 1982. Di-luluskan -

Tajuk : Cadangan Bangunan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia , Malaysia.

A . Penyataan Masaalah.

1. Kakitangan Fakulti buat masa ini ditempatkan di lima tempat yang berasingan. Pejabat Dekan Fakulti berada di bangunan Fakulti Ekonomi Sumber; Jabatan Pendidikan Unit Vokesional dan Pusat Sumber berada di bangunan Fakulti Perhutanan; Jabatan Bahasa berada di bangunan Kayu dan Jabatan Sains Kemasyarakatan pula berada di bangunan Sains Tanah menakala sebahagian besar dari kakitangan berada di bangunan baru Fakulti Pertanian.

2 . Kemudahan-kemudahan yang disediakan di tempat-tempat yang ditumpangi adalah sangat terhad. Kebanyakan pensyarah-pensyarah berkongsi 2 atau 3 orang dalam sebilik. Pejabat-pejabat am Jabatan dan Fakulti begitu sesak sehinggakan terjadi satu suasana kerja yang tidak begitu selesa.

3 . Pengajaran berjalan dengan berbagai kesulitan. Ketiadaan makmal-makmal kaedah pengajaran sains, sains pertanian, teknoloji rumahtangga menyebabkan pendedahan suasana yang sabenar kepada para pelajar adalah terhad sekali. Dari segi jumlah masa penyertaan seseorang pelajar itu mengikuti latihan amali juga sangat kecil. Perkara ini adalah disebabkan mereka terpaksa bergilir-gilir menggunakan makmal kaedah pengajaran yang hanya ada sebuah sahaja buat masa ini.